

Masyarakat Sivil Menuntut Ketelusan dan Kebertanggungjawaban Korporat Rentas Sempadan di Hadapan Kedutaan Indonesia ketika Krisis Jerebu Rentas Sempadan Semakin Teruk

KUALA LUMPUR, 4 September 2026 — Greenpeace Malaysia dan Himpunan Advokasi Rakyat Malaysia (HARAM) mengadakan demonstrasi aman serta penyerahan memorandum hari ini di hadapan Kedutaan Republik Indonesia, bagi menggesa Kerajaan Indonesia mendedahkan maklumat penting mengenai lokasi kebakaran, hasil siasatan serta pemilikan konsesi sebagai tanda solidariti dengan komuniti yang terjejas akibat jerebu.

Pada 31 Ogos, pihak berkuasa Indonesia mengumumkan bahawa mereka sedang menyiasat 19 syarikat yang memegang konsesi di kawasan yang terjejas akibat kebakaran meliputi 11,047 hektar di tujuh wilayah. Pihak berkuasa turut menyatakan bahawa 42 syarikat telah dikenal pasti sebagai pemegang konsesi yang mempunyai risiko kebakaran hutan yang tinggi, namun syarikat-syarikat yang sedang disiasat masih belum didedahkan secara terbuka. [1] Kedua-dua kumpulan ini menggesa ketelusan dan tindakan segera melalui kebertanggungjawaban korporat serta kerajaan dalam menangani krisis jerebu rentas sempadan yang semakin teruk. Bukti daripada hasil siasatan pihak berkuasa Indonesia mesti didedahkan supaya negara-negara yang terjejas seperti Malaysia dapat menyiasat kemungkinan kaitan dengan syarikat-syarikat dalam bidang kuasa dan rantaian bekalan mereka sendiri. Sekiranya syarikat Malaysia terlibat, Malaysia mesti bertanggungjawab untuk menyiasat, mengawal selia dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak korporat Malaysia yang mempunyai kaitan dengan kebakaran di Indonesia. [2]

Organisasi-organisasi tersebut menegaskan bahawa tindakan ini bertujuan mengalihkan tumpuan kepada pendekatan yang lebih berorientasikan penyelesaian, dan bukannya menyalahkan sesebuah negara terhadap negara yang lain. Sehubungan itu, memorandum yang diserahkan kepada Kedutaan Indonesia menggariskan beberapa tuntutan dan cadangan utama bagi meningkatkan ketelusan, kebertanggungjawaban korporat rentas sempadan serta tanggungjawab bersama kerajaan, termasuk gesaan supaya:

- Kerajaan Indonesia mendedahkan secara rasmi peta konsesi, data titik panas dan data siasatan kebakaran, serta apa-apa bukti lain dalam simpanannya yang mengenal pasti syarikat berkaitan Malaysia yang dikaitkan dengan kebakaran dan jerebu di Indonesia.
- Kerajaan Indonesia menamakan secara khusus dan terbuka syarikat-syarikat Malaysia yang telah dikenal pasti terlibat, supaya masyarakat sivil, badan pengawal selia dan Parlimen Malaysia dapat mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab dalam bidang kuasa kita.

- Kerajaan Indonesia komited untuk berkongsi bukti tersebut dengan Kerajaan Malaysia secara berterusan, melalui mekanisme sedia ada di bawah Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution, AATHP) atau saluran dua hala secara langsung, dan bukan sekadar melalui tuduhan awam dan kenyataan media.
- Kedua-dua Kerajaan komited terhadap prinsip pendedahan dan penguatkuasaan secara timbal balik: setiap negara menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang berdomisil dalam bidang kuasanya sendiri berdasarkan bukti yang dikongsi secara terbuka antara kedua-dua negara.

Greenpeace Malaysia dan HARAM turut menggesa kerajaan Malaysia bertindak berdasarkan bukti yang sahih yang dikongsi oleh Indonesia, bagi memastikan syarikat Malaysia tidak dapat mengelak daripada dipertanggungjawabkan atas kemudaratan alam sekitar hanya kerana ia berlaku di luar sempadan Malaysia. Sekiranya terdapat bukti sahih yang mengaitkan pihak korporat Malaysia dengan aktiviti yang menyumbang kepada kebakaran hutan, kemerosotan tanah gambut atau jerebu rentas sempadan, pihak berkuasa Malaysia mesti mempunyai kuasa dan mekanisme undang-undang untuk menyiasat, mengawal selia dan, jika wajar, mengambil tindakan undang-undang yang setimpal. Hal ini turut mengukuhkan keperluan untuk mewujudkan rangka kerja atau mekanisme perundangan Malaysia yang menyeluruh bagi menangani pencemaran jerebu serta kebertanggungjawaban korporat rentas sempadan.

Greenpeace Malaysia Wakil Negara Heng Kiah Chun berkata:

“Protes ini bukan bertujuan menyalahkan Indonesia atas jerebu yang berlaku. Kami memahami dan mengakui bahawa masyarakat Indonesia juga sedang menderita akibat kebakaran ini. Kami berada di sini kerana kerajaan Indonesia mempunyai maklumat yang boleh membantu kita memahami pihak yang bertanggungjawab, dan kami meminta mereka mendedahkan bukti tersebut secara awam. Sekiranya syarikat Malaysia terlibat, kami akan membawa bukti tersebut kembali ke Malaysia dan menuntut kerajaan kami mengambil tindakan serta memastikan mereka dipertanggungjawabkan. Jerebu tidak berhenti di sempadan Indonesia, dan begitu juga kebertanggungjawaban.”

“Di sebalik krisis jerebu ini terdapat satu persoalan mudah: apabila syarikat meraih keuntungan daripada tanah dan komoditi, siapa yang membayar harganya apabila hutan dan tanah gambut terbakar? Syarikat mungkin mendapat manfaat daripada tanah yang telah diteroka atau dimerosotkan, tetapi masyarakat menanggung akibatnya. Kanak-kanak terpaksa menghirup udara tercemar, pekerja berdepan keadaan yang tidak selamat, sekolah dan mata pencarian terganggu, manakala kerajaan dan keluarga akhirnya menanggung kos kesihatan dan ekonomi.”

HARAM Jurucakap Brendon Gan berkata:

“Terdapat kelompongan dalam sistem yang membolehkan ladang-ladang berskala besar membakar kawasan tanah tanpa sebarang akibat undang-undang. Ini bukan masalah iklim, malahan masalah penguatkuasaan dan politik. Ketika para eksekutif korporat menduduk secara selesa di pejabat berhawa dingin sambil meraih

keuntungan berjuta-juta ringgit, rakyat biasa, pekerja, pelajar malah kanak-kanak di Malaysia dan Indonesia yang menghirup udara tercemar dan menjadi korban akibat jerebu. Sekolah terpaksa ditutup, dan hak asasi kita untuk bernafas dengan udara bersih telah dirampas. Udara bersih tidak mengenal passport, begitu juga kemusnahan alam sekitar. Kami berdiri teguh dalam solidariti bersama masyarakat di Indonesia yang terjejas akibat kebakaran ini.”

Pencemaran jerebu rentas sempadan juga merupakan ujian terhadap komitmen ASEAN terhadap hak alam sekitar. Pada tahun 2025, Negara-Negara Anggota ASEAN menerima pakai Deklarasi ASEAN mengenai Hak kepada Persekitaran yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan, yang secara jelas mengiktiraf keperluan yang semakin meningkat untuk menangani isu alam sekitar rentas sempadan. Hak kepada persekitaran yang selamat, bersih, sihat dan mampan juga memerlukan akses kepada maklumat serta kebertanggungjawaban yang bermakna apabila kemudahan alam sekitar berlaku. Masyarakat yang terjejas tidak dapat menikmati hak tersebut sekiranya maklumat penting mengenai pihak yang bertanggungjawab terhadap kemusnahan alam sekitar terus disembunyikan merentasi sempadan.

Maklumat Latar Belakang:

Ini bukan kali pertama pihak-pihak korporat yang berkaitan dengan Malaysia dan Singapura dikenal pasti atau diteliti berhubung melakukan kebakaran serta amalan penggunaan tanah yang tidak wajar di Indonesia. Penyelidikan bersama Greenpeace sebelum ini telah mendokumentasikan titik panas kebakaran dalam kawasan perladangan yang turut dikaitkan dengan syarikat-syarikat Malaysia dan Singapura. Pada tahun 2019, Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia turut menyegel tanah milik syarikat-syarikat berhubung kebakaran hutan, termasuk syarikat asing yang mempunyai kaitan dengan Malaysia dan Singapura. [3]

Para saintis telah memberi amaran bahawa keadaan cuaca El Niño yang teruk pada tahun ini berpotensi meningkatkan risiko kemarau dan kebakaran di seluruh Asia Tenggara, sekali gus menjadikan perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi semakin mendesak. Namun, keadaan iklim tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak bertindak. Walaupun cuaca kering mewujudkan keadaan yang meningkatkan risiko kebakaran, keputusan bersama mengenai cara tanah diuruskan menjadi faktor penentu yang mempengaruhi tahap kerentanan landskap ini serta bagaimana kawasan tersebut boleh dijadikan pertaruhan dalam kebakaran demi keuntungan jangka pendek.

Dengan asap berbahaya daripada kebakaran hutan dan tanah gambut di Indonesia yang terus menjejaskan Malaysia dan negara-negara jiran, masyarakat di seluruh Asia Tenggara sekali lagi terpaksa menanggung kos kesihatan, sosial dan ekonomi akibat krisis yang telah berlarutan selama beberapa dekad. Keadaan ini menjadi amat serius di beberapa kawasan di Borneo Malaysia, khususnya Sarawak, di mana kualiti udara telah mencapai tahap berbahaya sehingga menyebabkan sekolah dan acara awam terganggu, manakala kerajaan negeri Sarawak sedang mempertimbangkan kemungkinan mengisytiharkan darurat jerebu bagi kawasan yang mencatat bacaan melebihi 500 API. [4]

TAMAT

Sumber:

- [1]<https://www.reuters.com/business/environment/indonesia-inspects-19-companies-linked-wildfires-official-says-2026-08-31>
- [2]<https://www.reuters.com/business/environment/reducing-indonesia-wildfires-will-be-challenging-el-nio-peaks-this-month-2026-09-01/>
- [3]<https://www.thejakartapost.com/news/2019/09/14/indonesia-seals-land-owned-by-malaysian-singaporean-firms>
- [4]<https://www.aljazeera.com/news/2026/9/1/toxic-haze-from-indonesian-fires-chokes-malaysian-borneo>